

TAHAP PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN GURU PELATIH MENGAPLIKASIKAN *DIGITAL TOOLS* SEBAGAI ALAT PENTAKSIRAN FORMATIF

Mior Ahmad Termizi bin Mior Idris, PhD
Tan Ai Lee, PhD
Fatimah binti Ibrahim, PhD
Norlia binti Mat Esa, PhD
Saidatul Nadiah binti Shamsuddin
Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh
miortermizi@ipgmipoh.edu.my

ABSTRAK

Guru harus memiliki pengetahuan dan kemahiran untuk mengendalikan pentaksiran formatif dengan jayanya di bilik darjah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap pengetahuan guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif dan kemahiran mereka dalam mengaplikasikan digital tools untuk pentaksiran formatif semasa menjalani praktikum Fasa 1. Seramai 159 orang guru pelatih telah menjadi responden kajian. Satu soal selidik sebanyak 20 item telah diubah suai untuk tujuan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa responden memiliki tahap pengetahuan tinggi (min=4.33) dalam melaksanakan pentaksiran formatif dan kemahiran tinggi (min= 4.04) dalam mengaplikasikan digital tools untuk pentaksiran formatif di bilik darjah. Terdapat perbezaan yang signifikan antara jenis sekolah terhadap kemahiran guru pelatih dalam mengaplikasikan digital tools untuk pentaksiran formatif. Manakala tiada perbezaan yang signifikan antara jantina terhadap pengetahuan dalam melaksanakan pentaksiran formatif dan juga kemahiran mengaplikasikan digital tools untuk pentaksiran formatif. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru telah bersedia untuk melaksanakan pentaksiran formatif di bilik darjah dengan menggunakan pelbagai digital tools yang sesuai sewaktu menjalani praktikum secara dalam talian. Walau bagaimanapun kemahiran guru pelatih dalam mengaplikasikan digital tools untuk pentaksiran formatif juga bergantung kepada jenis sekolah yang mereka ditempatkan.

Kata kunci: *Pengetahuan , kemahiran, digital tools, pentaksiran formatif*

PENGENALAN

Sistem pentaksiran alternatif merupakan sistem pentaksiran baharu yang telah dilaksanakan di Malaysia selaras dengan perubahan dalam Sistem Pentaksiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK) pada tahun 2017.

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan pentaksiran holistik yang melibatkan akademik dan bukan akademik yang menilai aspek kognitif, afektif, psikomotor dan sosial berdasarkan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Mohd Haidzir dan Norasmah (2019) berpendapat bahawa pentaksiran alternatif termasuklah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dan Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) perlu dilaksanakan secara berterusan, adil, telus dan mengikut standard untuk menilai kemampuan dan pencapaian sebenar murid. Justeru, pembelajaran yang bukan berorientasikan peperiksaan ini telah membuka banyak ruang baharu untuk pentaksiran formatif dilaksanakan berbanding dengan pentaksiran sumatif.

Pernyataan Masalah

Untuk melaksanakan pentaksiran alternatif dengan jayanya dalam bilik darjah, guru harus memainkan peranan penting dalam menguasai pendekatan-pendekatan yang sesuai untuk mengamalkan pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif. Menurut Florez dan Sammons (2013), kebanyakan guru didapati kurang memahami ciri-ciri pentaksiran yang melibatkan pentaksiran formatif ataupun pentaksiran sumatif. Untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang lebih menarik, guru-guru pelatih perlu menggunakan pengetahuan *digital tools* agar murid-murid lebih tertarik dengan pengajaran guru dan seterusnya boleh berinteraksi secara dua hala dengan guru berkenaan. Bagaimanakah pula dengan kesediaan, kompetensi dan pemahaman tentang pentaksiran formatif dalam kalangan guru pelatih di Institut Pendidikan Guru (IPG)?

Namun demikian, tidak dapat dipastikan keupayaan guru-guru pelatih ini untuk mengintegrasikan pengetahuan tentang pentaksiran alternatif ini dalam konteks penggunaan *digital tools* sebagai alat pentaksiran. Kajian berkaitan pentaksiran pula lebih tertumpu kepada PBS (Noraini & Zamri, 2016; Nor Zaiton & Jamaludin, 2016). Manakala kajian berkaitan pentaksiran di bilik darjah pula terhad kepada guru-guru terlatih yang sedia ada di sekolah (Sh. Siti Hauzimah, 2018). Justeru, kajian ini dibuat untuk mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif di bilik darjah dan sekali gus mengisi kelompangan penyelidikan yang berkaitan PBD.

Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap pengetahuan guru pelatih di IPG untuk menggunakan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran.

2. Mengenal pasti tahap kemahiran guru pelatih di IPG untuk menggunakan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap pengetahuan guru pelatih di IPG untuk menggunakan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran?
2. Apakah tahap kemahiran guru pelatih di IPG untuk menggunakan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif semasa menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran?
3. Adakah terdapat perbezaan antara jantina terhadap pengetahuan guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif?
4. Adakah terdapat perbezaan antara jantina terhadap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan alat digital sebagai alat pentaksiran formatif?
5. Adakah terdapat perbezaan antara jenis sekolah terhadap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan alat digital sebagai alat pentaksiran formatif?

Hipotesis Kajian

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jantina terhadap pengetahuan guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif.

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jantina terhadap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif.

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jenis sekolah terhadap kemahiran guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dapat memperkaya maklumat berkaitan tahap pengetahuan dan kemahiran yang dimiliki oleh guru-guru pelatih bagi menggunakan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif. Hasil kajian ini akan dapat dimanfaatkan oleh Bahagian Perkembangan Kurikulum, KPM dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bagi menambah baik kurikulum bagi pendidikan guru agar selari dengan perubahan semasa dalam bidang pentaksiran.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas menunjukkan terdapat dapatan kajian yang berbeza tentang pengetahuan guru dalam konteks melaksanakan pentaksiran formatif di bilik darjah. Dapatan kajian lalu menunjukkan bahawa

kekurangan dalam pengetahuan terhadap PBD menyebabkan guru tidak bersedia menghadapi sebarang perubahan dan sekali gus turut memberi kesan terhadap perkembangan murid (Sh. Siti Hauzimah, 2018).

Guru yang tidak tahu menggunakan aktiviti dalam kelas untuk mentaksir pula telah menggunakannya sebagai teknik pengajaran (Mazarul, et.al, 2021). Hasil kajian Mohd Haidzir dan Norasmah (2019) pula mendapati bahawa guru terbeban dengan aktiviti pentaksiran PBS yang melibatkan pelbagai prosedur seperti pengumpulan maklumat, merekod, menganalisis dan mempersembahkan data. Manakala dapatan kajian Eftah dan Abdul Aziz (2013) menunjukkan bahawa guru kurang memahami cara untuk melaksanakan pentaksiran formatif semasa di dalam kelas kerana mereka kurang memahami item yang sepatutnya diuji. Guru juga berpendapat bahawa faktor kekurangan masa menjadi cabaran utama untuk melaksanakan amalan pentaksiran formatif dan mereka mencadangkan supaya kursus yang intensif diadakan dari semasa ke semasa (Ahmad Zaidi, 2019).

Justeru, dalam tempoh pelaksanaan PKP yang panjang serta pelaksanaan PdPR secara dalam talian, guru perlu mengubah cara pentaksiran dengan menggunakan *digital tools* yang sesuai. *Digital tools* adalah alatan digital yang bercirikan teknologi elektronik. *Digital tools* yang melibatkan pendidikan termasuklah program pendidikan, laman web atau sumber dalam talian, dan sistem pemprosesan digital yang menggalakkan pembelajaran aktif, pembinaan pengetahuan dan penerokaan dalam proses PdP.

Kerangka Teori

Kajian ini menggunakan Model Penerimaan Teknologi atau *Technology Acceptance Model* (TAM) sebagai model asas. Idea mengenai TAM telah dikemukakan oleh Davis (1989) bagi menerangkan tentang penerimaan pengguna terhadap teknologi komputer yang berdasarkan justifikasi teori yang jelas. Model TAM secara asasnya terdiri daripada dua konstruk yang utama, iaitu tanggapan kebergunaan dan tanggapan mudah guna (Davis, 1989). Terdapat dua aspek yang diberi fokus dalam kajian ini, iaitu pengetahuan dan kemahiran guru pelatih untuk mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif. Berdasarkan model TAM, tanggapan kebergunaan merujuk kepada pengetahuan guru pelatih untuk menggunakan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif. Manakala tanggapan mudah guna pula merujuk kepada kemahiran guru pelatih untuk menggunakan *digital tools* sebagai alat pentaksiran.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan bagi mengenal pasti Tahap Pengetahuan dan Kemahiran Guru Pelatih Mengaplikasikan *Digital Tools* Sebagai Alat Pentaksiran Formatif. Sampel kajian terdiri daripada guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Ambilan Jun 2019, IPG Kampus Ipoh. Mereka terdiri daripada 159 orang guru pelatih dari 9 unit kelas. Semua guru pelatih ini telah mengikuti latihan praktikum di sekolah-sekolah pada bulan Ogos 2021. Persampelan bertujuan digunakan dalam kajian ini. Instrumen soal selidik yang mengandungi 20 item diubah suai daripada kajian Aniza (2014) yang mengkaji pentaksiran berasaskan sekolah (PBS). Soal selidik ini diedarkan secara talian menggunakan *google form*. Borang soal selidik ini berbentuk tertutup dan disediakan dalam tiga bahagian iaitu Bahagian A: Latar Belakang Responden, Bahagian B: Tahap Pengetahuan Guru Pelatih dalam Melaksanakan Pentaksiran Formatif dan Bahagian C: Kemahiran Menggunakan *Digital Tools* untuk Pentaksiran Formatif. Skala Likert 5 mata digunakan dalam borang soal selidik ini.

Batasan Kajian

Data kajian melibatkan guru pelatih PISMP Ambilan Jun 2019 yang melibatkan major Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Analisis Data

Soal selidik dianalisis secara deskriptif seperti peratus, min dan sisihan piawai yang digunakan serta turut melibatkan statistik inferensi ANOVA untuk menganalisis data. Skor min yang diperoleh dirujuk mengikut skala min berikut, 1.00-2.66 (rendah), 2.67-3.66 (sederhana) dan 3.67-5.00 (tinggi) (Mohd Majid, 2005). Data yang telah diperolehi dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS versi 26)*. ANOVA Sehalu diguna untuk melihat perbezaan bagi kedua-dua pemboleh ubah bebas (Jantina, Jenis Sekolah) terhadap pemboleh bersandar (Pengetahuan dan Kemahiran) guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif.

DAPATAN KAJIAN

Demografi Responden

Demografi responden dalam kajian ini merujuk kepada latar belakang responden, iaitu jantina dan jenis sekolah. Demografi responden 159 orang seperti yang dalam Jadual 1.

Jadual 1
Demografi responden (N = 159)

Latar Belakang Responden	Latar Belakang Responden	Kekerapan
Jantina	<ul style="list-style-type: none"> • lelaki • Perempuan 	31 128
Jenis Sekolah	<ul style="list-style-type: none"> • SK • SJK(Cina) • SJK(Tamil) 	82 56 21

Tahap Pengetahuan Guru Pelatih dalam Melaksanakan Pentaksiran Formatif

Jadual 2

Bil	Item	STS+TS	KS	S+ SS	MIN	Tahap Min
1	Saya tahu mengaplikasikan pelbagai alat pengukuran pentaksiran formatif di bilik darjah	1%	13%	86%	4.2	Tinggi
2	Saya tahu bahawa pentaksiran formatif yang diaplikasikan mesti sejajar dengan objektif pembelajaran yang dirancang	0%	8%	92%	4.4	Tinggi
3	Saya tahu pelaksanaan pentaksiran formatif dapat membantu untuk meningkatkan pencapaian murid	0%	7%	93%	4.5	Tinggi
4	Saya tahu <i>digital tools</i> boleh dijadikan sebagai instrumen pentaksiran formatif	0%	9%	91%	4.3	Tinggi
5	Saya tahu pentaksiran formatif di sekolah perlu disesuaikan dengan tahap kebolehan murid	1%	6%	93%	4.5	Tinggi
6	Saya tahu sekolah wajib melaksanakan pentaksiran formatif dalam PBD bagi semua mata pelajaran	0%	13%	87%	4.3	Tinggi
7	Saya tahu pentaksiran formatif dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) memberi	2%	13%	85%	4.1	Tinggi

	penekanan kepada bentuk pentaksiran yang mengukur penguasaan kemahiran berbanding penguasaan kandungan mata					
8	Saya tahu pihak sekolah perlu menubuhkan Jawatankuasa Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) yang terdiri daripada pentaksir, penyelar, dan pemantau dalaman bagi memastikan pentaksiran formatif dalam PBD dikendalikan mengikut prosedur yang ditetapkan	2%	19%	79%	3.9	Tinggi
9	Saya tahu setiap pentaksiran formatif perlu mengikuti dokumen standard kurikulum dan pentaksiran	0%	7%	93%	4.5	Tinggi
10	Saya tahu pentaksiran formatif dalam Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dilaksanakan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh KPM	0%	8%	92%	4.4	Tinggi
	Purata min keseluruhan				4.33	Tinggi

Dapatan kajian soal selidik menunjukkan bahawa purata min keseluruhan tahap pengetahuan guru pelatih adalah sebanyak 4.33 berada di tahap yang tinggi.

Kemahiran Mengaplikasikan *Digital Tools* Untuk Pentaksiran Formatif

Jadual 3

Instrumen Kemahiran Mengaplikasikan *Digital Tools* untuk Pentaksiran Formatif

Bil	Item	STS+TS	KS	S+ SS	MIN	Tahap Min
1	Saya mahir membina instrumen pentaksiran formatif berdasarkan <i>digital tools</i> yang digunakan untuk	2%	19%	79%	4.0	Tinggi

	mencapai hasil pembelajaran					
2	Saya mahir dalam merungkai dan merangkai DSKP dengan mengaplikasikan <i>digital tools</i> yang sesuai	0%	23%	77%	4.0	Tinggi
3	Saya mahir untuk melaksanakan pentaksiran formatif dengan menggunakan <i>digital tools</i> secara berterusan semasa PdP	1%	18%	81%	4.0	Tinggi
4	Saya mahir untuk mempelbagaikan <i>digital tools</i> sebagai alat pentaksiran formatif	0%	24%	76%	4.0	Tinggi
5	Saya mahir untuk mengaplikasikan <i>digital tools</i> yang sesuai bagi pentaksiran formatif	1%	18%	82%	4.0	Tinggi
6	Saya mahir untuk mengaplikasikan <i>digital tools</i> untuk mengukur tahap prestasi murid	2%	19%	79%	4.0	Tinggi
7	Saya mahir untuk mengaplikasikan <i>digital tools</i> untuk menarik minat murid untuk belajar	0%	14%	86%	4.2	Tinggi
8	Saya mahir untuk mengaplikasikan <i>digital tools</i> untuk meningkatkan penglibatan aktif murid dalam kelas	0%	14%	86%	4.2	Tinggi
9	Saya mahir untuk mengaplikasikan <i>digital tools</i> untuk digunakan sebagai evidens bagi pentaksiran formatif	0%	17%	83%	4.1	Tinggi
10	Saya mahir untuk mengaplikasikan <i>digital tools</i> untuk mengukur objektif pembelajaran yang telah dirancang	1%	14%	85%	4.1	Tinggi
	Purata min keseluruhan				4.04	Tinggi

Dapatan kajian menunjukkan bahawa purata min keseluruhan tahap kemahiran guru pelatih untuk mengaplikasikan *digital tools* bagi tujuan

pentaksiran formatif adalah tinggi. Min keseluruhan untuk tahap kemahiran guru pelatih adalah 4.04.

Perbezaan Min Bagi Jantina Terhadap Pengetahuan Guru Pelatih

Ho 1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jantina terhadap pengetahuan guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif.

Jadual 4

Analisis Anova Sehala Jantina Terhadap Pengetahuan Guru Pelatih dalam Melaksanakan Pentaksiran Formatif

Dependent Variable: PENGETAHUAN

Source	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Jantina	.781	1	.781	3.566	.061
Error	34.369	157	.219		
Total	3019.950	158			

Keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan pengetahuan guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif antara kedua-dua peringkat jantina. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan [$F(1, 157) = 3.57, p < .05$]. Oleh yang demikian Ho1 diterima.

Perbezaan Min Bagi Jantina Terhadap Kemahiran Guru Pelatih

Ho 2: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jantina terhadap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif.

Jadual 5

Analisis ANOVA Sehala Jantina Terhadap Kemahiran Guru Pelatih Mengaplikasikan *Digital Tools* Sebagai Alat Pentaksiran Formatif

Dependent Variable: KEMAHIRAN

Source	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
Jantina	.175	1	.175	.663	.417
Error	41.441	157	.264		
Total	2634.650	158			

Keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif antara kedua-dua peringkat jantina.

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan [F (1, 157) = 1.75, p < .05]. Oleh yang demikian Ho3 diterima.

Perbezaan Min Bagi Jenis sekolah Terhadap Kemahiran Guru Pelatih

Ho 3: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan jenis sekolah terhadap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif

Jadual 6

Analisis ANOVA Sehalu Jenis Sekolah terhadap Kemahiran Guru Pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif

Dependent Variable: KEMAHIRAN

Source	Type III Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
JenisSekolah	1.636	2	.818	3.192	.044
Error	39.980	156	.256		
Total	2634.650	158			

Keputusan ujian ANOVA sehalu menunjukkan bahawa secara keseluruhan terdapat perbezaan kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif antara ketiga-tiga peringkat jenis sekolah. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan [F (2, 156) = 1.75, p < .05]. Oleh yang demikian Ho 4 ditolak. Hasil ujian Anova dan ujian perbezaan *Post Hoc* LSD menunjukkan bahawa terdapat perbezaan kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif antara SJKT dan SK seperti yang ditunjukkan di Jadual 7 di bawah.

Jadual 7

Analisis Post Hoc LSD Jenis Sekolah terhadap Kemahiran Guru Pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif

(I) JenisSekolah	(J) JenisSekolah	Mean Difference (I-J)	Std. Error	Sig.
SK	SJKC	-.17038	.08776	.054
	SJKT	-.26086*	.12381	.037
SJKC	SK	.17038	.08776	.054
	SJKT	-.09048	.12954	.486
SJKT	SK	.26086*	.12381	.037
	SJKC	.09048	.12954	.486

PERBINCANGAN

Skor min keseluruhan untuk responden menunjukkan guru pelatih memiliki tahap pengetahuan tinggi (min = 4.33). Dapatan ini adalah tidak selaras dengan kebanyakan kajian yang menunjukkan guru kurang pengetahuan, tidak mempunyai kesediaan dan kompetensi serta kurang memahami cara pelaksanaan pentaksiran formatif (Mohd Haidzir & Norasmah, 2019; Noraini & Zolkepli, 2020). Hal ini menunjukkan aspek dan tahap pengetahuan antara guru dan guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif adalah berbeza. Guru-guru pelatih telah mendapat pendedahan dan pengetahuan tentang pentaksiran formatif dalam latihan perguruan mereka di Institut Pendidikan Guru. Manakala kebanyakan guru dalam perkhidmatan kurang mendapat latihan serta kursus pendedahan yang sewajarnya untuk pentaksiran formatif dan juga Pentaksiran Bilik Darjah.

Skor min kemahiran guru pelatih dalam mengaplikasikan *digital tools* untuk pentaksiran formatif juga berada di tahap tinggi untuk semua item bermula dari item 1 hingga ke item 10. Skor min keseluruhan menunjukkan guru pelatih mempunyai kemahiran tinggi dalam melaksanakan pentaksiran formatif (min = 4.04). Hal ini juga menunjukkan bahawa guru-guru pelatih lebih bersedia untuk menggunakan *digital tools* dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

Perbandingan skor min antara jantina dan jenis sekolah terhadap pengetahuan guru pelatih dalam melaksanakan pentaksiran formatif menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah tersebut. Hal ni menunjukkan bahawa tiada perbezaan antara guru pelatih lelaki atau guru pelatih perempuan dari segi tahap pengetahuan dalam melaksanakan pentaksiran formatif. Perbandingan skor min antara jantina terhadap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan. Walau bagaimanapun, perbandingan skor min antara jenis sekolah terhadap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif menunjukkan perbezaan yang signifikan. Keputusan ujian perbezaan *Post Hoc LSD* menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dengan Sekolah Kebangsaan.

Perbezaan yang signifikan ini mungkin disebabkan oleh aspek ketidakcukupan latihan yang diberikan kepada guru-guru yang mengajar di jenis sekolah tersebut, lokasi jenis sekolah tersebut yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar, capaian jaringan internet yang kurang memuaskan, tentangan daripada ibu bapa dan murid yang mungkin disebabkan oleh aspek sosio ekonomi status keluarga. Kelemahan

kepimpinan instruksional dalam memberi dan mengelolakan latihan dan kursus kepada guru-guru di sekolah juga mempengaruhi tahap kemahiran guru-guru yang mengajar di sekolah tersebut dalam mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Sebagai rumusan, dapatan kajian ini telah menunjukkan skor min keseluruhan untuk responden menunjukkan guru pelatih memiliki tahap pengetahuan tinggi (min = 4.33) dalam melaksanakan pentaksiran formatif dan skor min keseluruhan menunjukkan guru pelatih mempunyai kemahiran tinggi dalam mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif (min = 4.04). Perbezaan yang signifikan ditunjukkan antara jenis sekolah SJK(T) dan SK terhadap tahap kemahiran guru pelatih mengaplikasikan *digital tools* sebagai alat pentaksiran formatif boleh dibuat kajian lanjutan untuk melihat kepada aspek-aspek terperinci yang perlu diketengahkan. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru pelatih di Institut Pendidikan Guru telah bersedia untuk melaksanakan pentaksiran formatif di bilik darjah dengan menggunakan pelbagai *digital tools* yang sesuai sewaktu menjalani praktikum secara dalam talian.

RUJUKAN

- Ahmad Zaidi Hussin. (2019). Model amalan pentaksiran formatif dalam kalangan guru guru kemahiran hidup bersepadu [Disertasi tidak diterbitkan]. Universiti Utara Malaysia.
- Aniza Ahmad. (2014). Pengetahuan, kefahaman dan kemahiran guru Bahasa Melayu terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah di sekolah menengah [Kertas projek Sarjana Pendidikan]. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Davis, F. (1989). Perceived Usefulness, Perceived ease of use, and user acceptance of information technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319-340. doi:10.2307/249008
- Eftah Abdullah dan Abd Aziz Abd Shukor (2013). *Pentaksiran prestasi dan pentaksiran rujukan standard dalam bilik darjah*. Syarikat Harkam Interprise.
- Florez, Maria Teresa., & Sammons, Pamela. (2013). *Assessment for learning: effects and impact*. Oxford University Department of Education.

- Mazarul Hasan Mohammad Hanapi, Norazimah Zakaria & Suhaila Muner. (2021). Tahap kesediaan guru sekolah rendah di daerah Klang, Selangor dalam pelaksanaan pentaksiran bilik darjah dari aspek pengetahuan. *International Journal of Modern Education*, 3(9), 1-8. doi:10.35631/IJMoe_39001.
- Mohd Haidzir Yusof@Jusoh., & Norasmah Othman. (2019). Isu dan permasalahan pentaksiran alternatif dalam sistem penilaian di Malaysia. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Majid Konting. (2005). Kaedah penyelidikan pendidikan. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Abd Samad., & Zolkepli Harun. (2020). Pentaksiran formatif: Sikap dan amalan jurulatih utama kebangsaan. *International Conference on Business Studies and Education (ICBE)*.
- Noraini Bidin & Zamri Mahamod. (2016). Kesediaan murid sekolah menengah terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan sekolah dalam mata pelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 6 (1): 64-76.
- Nor Zaiton Hanafi & Jamaludin Badusah. (2016). Pentaksiran berasaskan sekolah dalam pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah menengah. *Prosiding Seminar Pascasiswazah Pendidikan Bahasa Melayu & Pendidikan Kesusasteraan Melayu Kali Kelima*, 539-546.
- Sh. Siti Hauzimah Wan Omar. (2018). *Pengetahuan, kemahiran, sikap dan masalah dalam melaksanakan pentaksiran bilik darjah Bahasa Melayu di sekolah rendah* [Disertasi tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.